

Fosil karang 300 juta tahun ditemui di Perak

GEONAT jumpa lebih 4 jenis spesies mungkin wujud sebelum zaman dinosaur

8H 21/01/24 MB 15

Kampar: Fosil karang purba pelbagai spesies dianggar berusia 300 juta tahun ditemukan di kawasan seluas 6.9 hektar berdekatan Kampung Changkat Tuaalang, dekat sini.

Beberapa jenis hidupan purba daripada spesies siput laut berkenaan yang sudah lama pupus dijumpai Persatuan Jurupandu Pelancong Geopark Warisan Alam Semula Jadi Perak (GEONAT) yang melakukan penyelidikan di kawasan itu.

Naib Pengerusi GEONAT, Mohd Fadly Md Noor, berkata pihaknya menjelajah kawasan berkenaan selepas melakukan rujukan daripada jurnal lama termasuk rekod pengkaji lama.

"Kami menemukan lebih tiga atau empat jenis fosil daripada kelas Gastropod, Rugosa, Crinoid dan satu lagi fosil karang, paling banyak jenis Gastropod yang ditemui di 50 spot melekat pada batuan."

"Penemuan ini merupakan



Fosil karang pelbagai spesies berusia 300 juta tahun ditemukan berdekatan Kampung Changkat Tuaalang, Kampar.

(Foto BERNAMA)

kan yang pertama di Perak, khususnya daerah Kinta dan fosil ini ialah hidupan laut kuno yang muncul sejak zaman paleozoik sebelum wujud haiwan reptilia purba dinosaur," katanya pada sidang media, kelmarin.

Beliau berkata demikian selepas sesi penerangan kepada Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO negeri, Mohd Azlan Helmi Helmi yang turut hadir menyaksikan fosil ditemukan mereka.

Belum dibawa keluar

Mohd Fadly berkata, semua spesimen belum dibawa keluar dari lokasi dan penemuan itu turut dimaklumkan kepada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Perak.

Beliau berkata, pihaknya akan mencadangkan kepada kerajaan negeri mewartakan lokasi 6.9 hektar terbabit sebagai tapak warisan geologi bagi melindungi dan memulihara kawasan di sekitar tapak penemuan berkenaan.

"Kami percaya kemungkinan besar lebih banyak fosil sedemikian ada di kawasan ini kerana ia agak luas dan kami akan teruskan pencarian bagi menemukan spesimen atau fosil jenis lain," katanya.

Sementara itu, Mohd Azlan berkata, kerajaan negeri akan mewartakan kawasan penemuan fosil karang purba dekat Kampung Changkat Tuaalang itu sebagai satu lagi geotapak di Perak.

BERNAMA